

TRAVELOG EUROPE

Rasai Pengalaman Europe Yang Sebenar!

Travelog Pengembaraan Saya Ke 20
Bandar Popular Eropah Yang Akan Menjimatkan
Banyak Masa & Wang Anda



KHALID HAMID

Hak Cipta Terpelihara © 2019

SALAM PERKENALAN

Hai, saya **KHALID HAMID**, penulis ebook **TRAVELOG EUROPE**. Pada tahun 2017, saya telah menjelajah Europe selama hampir 2 bulan (Mac – Mei). Pelbagai suka duka telah saya tempuh, jadi saya “ebook-kan” pengalaman saya untuk panduan mereka yang ingin ke sana. Ini kerana saya dapati begitu sukar untuk mencari “**all-in-one**” info tentang Europe. Info percuma memang ada, **tapi letih dan serabutlah nak baca setiap satu**. Banyak bandar saya dah pergi, dan banyak aktiviti yang saya dah buat kat sana (shopping barang berjenama, tengok bola La Liga, naik ke Puncak Alps dan banyak lagi). Melalui ebook tersebut, **anda akan dapat rasa seolah-olah anda berada di sana**. Anda juga boleh **elak daripada membazir duit, masa dan tenaga** untuk pergi ke tempat-tempat yang tak perlu. **Serius, bukan semuanya indah di sana!**

Ebook percuma ini merupakan ekstrak daripada versi penuh. Saya sertakan juga full review 2 negara yang telah saya pergi iaitu **FRANCE & ITALY**. Jadi, ayuh kita mulakan pengembaraan!

7 TUJUAN UTAMA EBOOKINI DIHASILKAN

- 1) Jimatkan duit anda
- 2) Jimatkan masa anda
- 3) Selamatkan anda daripada pergi tempat yang tak perlu
- 4) Melalui pengalaman yang mengujakan di Eropah
- 5) Tidak terlepas pergi ke tempat-tempat wajib di Eropah
- 6) Memberikan tips keselamatan kepada anda
- 7) Elakkan diri daripada kena scam



PENGENALAN

London, Paris, Rome, Madrid, Amsterdam dan banyak lagi! Itulah sebahagian daripada bandar yang terdapat di Eropah atau Europe, sebuah benua yang terletak di sebelah barat bumi kita. **Saya panggil “Europe” (baca: Yeurop) lah ya sebab senang nak sebut.** Anda tentu pernah lihat bandar-bandar tersebut di dalam buku, dokumentari, TV dan juga filem-filem Hollywood. **Ia terdiri daripada 50 buah negara.** Europe adalah sebuah benua yang agak besar. Kebanyakan pelancong atau traveller akan fokus kepada sebelah barat sahaja. Eastern Europe & Northern Europe terlalu jauh kalau nak sampai. Kalau banyak masa bolehlah pergi.



Sumber: <https://geology.com/world/europe-satellite-image.shtml>

TIPS PENTING! Sila tour negara berhampiran terlebih dahulu sebelum pergi yang jauh. Jangan melompat negara tak tentu hala. **Fahamkan peta di atas betul-betul.** Rancanglah perjalanan anda sebaiknya untuk menjimatkan kos.

KENAPA KENA PERGI EUROPE SEKALI SEUMUR HIDUP

Di sini lah **tamadun dunia bermula** (melalui Greece)! Suatu ketika dahulu, pulau kecil British telah berjaya menjajah seluruh benua Amerika! Negara kita sendiri pernah djajah oleh British, Portugis dan Belanda. Mereka semua datang dari Eropah. Merekalah yang banyak mencorakkan ketamadunan dunia pada hari ini. Tidakkah kita mahu belajar bagaimana mereka boleh menjadi hebat sebegitu suatu ketika dahulu?

Di sini terdapat **banyak bangunan bersejarah** yang telah menjangkau umur 700 – 800 tahun tetapi masih lagi utuh. Lebih hebat lagi, yang berumur hampir 2,000 tahun pun ada! Sebagai contoh bangunan megah **Colloseum di Rome, Italy**. Ia siap dibina pada tahun **AD 80**, jadi ia telah **berusia 1,939 tahun!** Walaupun sebahagian binaannya telahpun runtuh, tetapi bagaimana pada zaman itu mereka hanya mengambil masa 8 tahun untuk menghasilkan sesuatu yang mampu bertahan selama ribuan tahun adalah sesuatu yang sangat mengagumkan! Itu baru satu contoh. Ada banyak lagi bangunan-bangunan hebat lain di seluruh Europe.

Karya kesenian mereka juga menjadi sebutan sehingga ke hari ini. Salah satunya sudah tentulah potret **Mona Lisa karya Leonardo Da Vincii**. Kalau anda betul-betul minat pada “art”, Europe akan menjadi “syurga” anda kerana banyak karya seni agung telah dihasilkan ketika **era Renaissance** di sini. Bukan sahaja terhad kepada lukisan, tetapi juga ukiran dan lain-lain.

Di Europe juga **pemandangannya sangat indah** kerana adanya 4 musim. Ada pergunungan bersalji, ada jambatan cantik merentasi sungai, ada taman yang penuh dengan bunga tulip, ada bangunan-bangunan moden yang terselit bersama bangunan bersejarah, ada tasik yang jernih, dan banyak lagi pemandangan yang anda memang tak akan jumpa di tempat lain.

Bandar terkenal di Europe adalah dikategorikan sebagai **bandar yang maju dan bertamadun**. Public transport mereka sungguh cekap dan menyeluruh. Negara mereka bersih. Recycle diutamakan dan sampah diminimumkan. Susah nak jumpa sampah di jalan-jalan mereka. Mindset mereka sangat bagus serta tidak prejudis. Datanglah ke Europe dan rasainya sendiri.


SCHENGEN AGREEMENT & APA KAITANNYA DENGAN ANDA

Apabila anda melompat dari satu negara ke satu negara yang lain dalam Europe, jangan terkejut jika anda tidak melalui pemeriksaan imigresen. Ia adalah disebabkan oleh **Schengen Agreement**, di mana jika anda memasuki dari satu negara ke negara lain dalam agreement tersebut, **anda tidak perlukan visa dan tidak perlu melalui pemeriksaan imigresen.**

Masa saya pergi, 3 tempat sahaja saya melalui border control, iaitu dari KL – London (kerana tiba dari luar UK), Manchester – Charles De Gaulle Airport Paris (sebab tiba dari UK yang bukan negara dalam agreement), Venice – Vienna (mungkin sebab melalui transit di Istanbul, Turki) dan Belgium – London (kerana memasuki semula negara yang bukan dalam agreement).

SENARAI 26 NEGARA DALAM SCHENGEN AGREEMENT:

Austria, Belgium, Czech Republic, Denmark, Estonia, Finland, France, Germany, Greece, Hungary, Iceland, Italy, Latvia, Liechtenstein, Lithuania, Luxembourg, Malta, Netherlands, Norway, Poland, Portugal, Slovakia, Slovenia, Spain, Sweden, and Switzerland.



Sumber: <https://www.polgeonow.com/2016/03/what-is-schengen-list-countries-map.html>

WAKTU TERBAIK UNTUK KE EUROPE

Waktu terbaik untuk melawat Europe ialah pada **MUSIM PANAS (SUMMER) JUN - OKTOBER** kerana cuacanya baik dan anda tak perlu pakai baju tebal-tebal. Saya pergi lepas winter pun masih lagi sejuk. Kat Munich siap turun salji lagi (masa tu bulan April)! Namun, **kos penginapan akan menjadi mahal ketika summer** dan kebanyakan tempat anda nak pergi adalah **sangat-sangat crowded**. Ramai giler orang! Nak pergi **musim winter** boleh tapi kena ingat, **baju kena pakai tebal-tebal** dan **tempat tumpuan serta kedai tutup lebih awal**. Bila summer, siang jadi panjang. Pukul 9 malam pun masih cerah. Musim winter pula, **pukul 5 petang dah gelap**.

NAK NAIK FLIGHT SYARIKAT APA

Saya syorkan **MAB (Malaysia Airlines)** sebab murah dan selesa. Luggage 30kg, movies dan makanan turut disediakan. Kalau pergi London, direct flight 13 jam tau! Kalau anda sanggup, bolehlah naik low cost airline. Saya beli tiket pergi balik London tu dalam **RM3,000** je seorang. Itupun 2 minggu sebelum bertolak. **Jangan beli tiket 1 way, mahal!** Tiket sehala dalam RM2,000. Tak jauh beza pun. Lebih baik anda beli tiket pergi-balik terus.

AWAS! Anda perlu ada tiket balik, kerana pihak imigresen mereka akan tanya. Anda juga perlu sediakan bukti "**kemampuan kewangan**" anda. Ini kerana mereka tak mahu anda masuk dan menetap + bekerja di sana, memandangkan mereka sendiri pun dah ramai pendatang.

Gunakan apps / website ni kalau nak cari pilihan penerbangan pada kadar terendah:

www.skyscanner.com.my ATAU arihla.com

Kalau nak ke London, Emirates, Etihad, Qatar, Singapore Airlines & Turkish Airlines juga ada menyediakan direct flight ke London tetapi harganya jauh lebih mahal lah. Kesimpulannya, kalau dari Malaysia nak ke sana, kami syorkan **MAB** atau **Turkish Airlines** sahaja.

GOLDEN TIPS: Book flight **masa orang tengah tidur** kalau nak dapatkan harga terbaik.
Elakkan flight hari Jumaat - Isnin. **Flight** hari Selasa – Khamis adalah lebih murah!

Untuk melompat dari satu negara ke negara yang lain **melalui flight**, berikut merupakan airlines yang telah saya guna dan berpuas hati. Harga pun tak terlalu mahal.

Kebanyakan flight saya book **ONE WAY TICKET** sahaja:

- 1) Vueling
- 2) Olympic Air
- 3) Swiss Air
- 4) Easy Jet
- 5) Ryan Air (saya tak pernah try, anda cuba lah)

AMARAN! Pastikan anda mendarat di lapangan terbang utama, bukan lapangan terbang kecil kerana ia terletak lebih jauh dari bandar. Nanti susah anda nak ke hotel! CONTOH: Kalau London, pilih untuk mendarat di Heathrow dan bukan di Gatwick dll. Kalau Paris pula, pilih untuk mendarat di Charles De Gaulle (CDG @ Roissy) dan bukan di Orly / Beauvais-Tille.

Namun, seperti yang akan diberitahu di **muka surat 22** nanti, lebih baik anda naik bas kalau nak pergi dari satu negara ke negara yang lain kerana banyak kelebihannya.



BARANGAN YANG ANDA PERLU BAWA

- 1) Universal adapter (sebab plug di sana pelik sikit)
- 2) Extension plug (kalau trip beramai-ramai)
- 3) Bukti pendapatan & kemampuan kewangan anda
- 4) Tiket flight pergi & balik
- 5) Passport yang ada tempoh 1 tahun sebelum expired*
- 6) Tunai, kad ATM & kad kredit (sila inform bank terlebih dahulu ke mana anda akan pergi, jika tidak mereka mungkin akan block kad anda bila anda guna kad tersebut di sana)
- 7) International Driving License (jika nak memandu di Eropah)
- 8) Laptop (untuk memudahkan anda membuat booking, tetapi smartphone pun ok juga)
- 9) Pakaian yang bersesuaian (mengikut musim anda pergi, tapi beli kat sana pun boleh)
- 10) Kasut yang selesa [sebab anda akan banyak berjalan (dan kadangkala berlari!)]
- 11) Sunglasses (untuk berjalan dalam cuaca panas)
- 12) Smartphone (untuk buat booking, cari arah, cari maklumat dan sebagainya)

Barang yang penting janganlah tertinggal ya. Barang macam untuk mandi, makan, masak, baju tu semua beli kat sana pun boleh kalau tak nak beg anda berat. Tapi, kalau anda suka **ubat gigi Darlie** macam saya, bawalah tiub paling besar ya. Sana takde jual tau. Hahaha...

* Sebenarnya passport anda valid 6 bulan sebelum tarikh expired yang dinyatakan. Nak mudah, make sure tarikh expired tu 12 bulan akan datang je lah. Atau kalau nak kira betul-betul, hari terakhir anda di luar negara, tarikh expired mesti tak kurang dari 6 bulan dari tarikh tu.

PERKARA PERTAMA YANG PERLU ANDA BUAT APABILA TIBA DI SESUATU BANDAR

- 1) **Cari kedai runcit terdekat.** Beli lah apa yang boleh untuk anda masak terus. Sumber makanan yang bagus untuk anda makan ialah telur dan sayur-sayuran.
- 2) Cuba **naik bas awam / jalan kaki** untuk bersiar-siar di sekitar hotel.
- 3) Minta **peta bandar** dengan hotel, dan tanya dia **macam mana nak pergi tempat-tempat yang anda nak tuju.** Kalau tak tahu nak ke mana, minta pandangan dia lah **mana dia suggest untuk pergi.** Jangan lupa tanya juga cara untuk ke sana, dan apa pas / tambang yang patut anda pilih. Semua hotel di Europe akan provide peta untuk pelancong.
- 4) Untuk umat Islam, cuba tanya di mana ada **restoran halal atau kedai menjual kebab** (tapi siap sedia rabak poketlah bila makan di luar ya). Kadangkala mereka ni tak faham “halal” tu apa, jadi anda tanya dia **“Muslim food”**.
- 5) Minta lah **tips-tips tambahan** sekali (jika ada) daripada pihak hotel. Contohnya masa saya di Vienna, saya tak plan pun tengok orkestra. Lepas tu staf hotel kata Austria ni tempat kelahiran Mozart, ahli muzik terkenal dunia, jadi dia suggest tengoklah konsert orkestra tu. Saya pergi tengok dan sangat-sangat berpuas hati.
- 6) Setelah anda kumpulkan maklumat yang diperoleh, anda perlu mula merancang **mana nak pergi dulu.** Contohnya, jika anda sampai hotel waktu pagi, waktu petang dan malam anda patut **explore dulu mana yang sempat.** Masa adalah sangat berharga di sana jadi manfaatkanlah sebaiknya. Elakkan duduk terperap di dalam hotel!
- 7) Minta password **Wi-Fi** (jika disediakan). Update lokasi terkini anda kepada keluarga & rakan-rakan di negara anda untuk **tujuan keselamatan** atau **jika berlaku kecemasan.**

Untuk mengetahui aktiviti atau tempat yang anda patut buat di sana, selain daripada membaca ebook ini, anda juga boleh buat carian **“what to do in (bandar)” atau “(bandar) attractions”** di Google. Anda pasti dapat banyak idea-idea bernas juga dalam hasil carian tersebut. Anda juga boleh membaca review yang ada di dalam **app Trip Advisor** atau **Lonely Planet**.

CABARAN APABILA BERADA DI EUROPE

MAKANAN HALAL

Negara Eropah di sebelah timur ([Greece, Austria & Czech Republic](#)) cukup susah cari makanan halal. Ada tu memang ada, tapi di tengah-tengah bandar lah (tapi memang mahal lah, sekali lunch tu dalam **EUR 30 untuk 2 orang**). Kebanyakan restoran halal di sana adalah **Indian food**. Sebab tu, lebih mudah jika anda masak sendiri. Boleh jimat banyak. Tak perlu bawa makanan dari Malaysia. Paling senang nak cari makanan halal ialah di London.

Kalau nak makan semua yang ada cop halal sahaja, memang tak makan lah anda kat sana. Anda perlu banyak gunakan "**due diligence**" dalam memilih makanan. Contohnya, roti ok lah. Makan di restoran, order lah seafood. Bagitahu mereka jangan masukkan wine dalam masakan tu (selalunya mereka tak letak pun). Daging sila elakkan sebab mereka tak guna daging halal. Di **Greece**, jangan makan "**gyros kebab**" sebab kebab tu daging babi. Di kebanyakan negara, **kebab adalah halal dan mudah didapati**. Kalau nak jimat, beli kebab dan **makan 2x** sebab kebab dia besar (bukan macam kebab Malaysia). Harga 1 kebab dalam **EUR 5 @ RM 25**.

Ingat ya, harga "dine-in" dan "take-away" adalah berbeza. Dine-in lagi tinggi sebab ada **service charge**. Lebih baik [take-away dan makan di tempat awam](#), atau makan sambil bersiar-siar.

Nak makan sedap-sedap, tunggulah balik Malaysia baru makan. Makanan di Eropah plain & simple sahaja, seperti sandwich dan baguette. Diorang mana makan benda-benda bertumis ni. Sebab tu majoriti rakyat diorang ni kurus, bukan macam kita. Hahaha. Jangan marah ya!

NOTA PENTING: Saya tidak dapat recommend makanan yang anda patut cuba di setiap bandar yang saya pergi kerana saya tidak betul-betul pasti sama ada ianya halal ataupun tidak. Saya hanya share apa yang saya betul-betul pasti sahaja. Maaf ya!

TUKARAN MATA WANG

Inilah halangan utama kalau nak melancong ke Europe (pada pendapat saya), kerana **mata wang Euro adalah hampir 5x ganda dari duit Malaysia**. Kalau Coca Cola 500ml tu EUR 2.00, dalam RM ianya hampir RM10, padahal di Malaysia RM3 sahaja!

Seeloknya, **gunakan TUNAI / CASH sahaja di sana**. Jika anda gunakan **kad kredit**, kadar tukarannya **lebih teruk** DAN akan ada caj “*overseas usage*” **UNTUK SETIAP TRANSAKSI**. Gunakan kad kredit jika perlu sahaja, seperti membuat tempahan hotel / Airbnb / bas / flight / attractions secara online. Selain kad kredit, Paypal juga adakalanya diterima.

Jika anda nak pergi ke semua negara yang saya pergi, anda perlukan 4 mata wang iaitu:

- 1) EUR (Euro €, majority negara Eropah), dalam RM4.80 seunit**
- 2) GBP (Pound Sterling £, UK), dalam RM5.40 seunit**
- 3) CZK (Czech Kroner atau Crown, Czech Republic), dalam RM0.19 seunit**
- 4) CHF (Swiss Franc, Switzerland), dalam RM4.25 seunit**

HARGA BARANGAN

Jika anda kerja di Europe dan berbelanja dalam Euro, sebenarnya harga barang mereka murah. Cuma, disebabkan kita convert MYR, itu yang kita rasa mahal tu. Oleh itu, berbelanjalah secara berhemah di sana. Di London, barang runcit memang murah. Nak jimat, masak sendiri je. OK?

CARA PEMANDUAN

Selain UK, pemandu di Europe **memandu di sebelah kiri**. Jika anda sewa kereta di sana, kebanyakannya adalah **GEAR MANUAL**. Susah nak cari auto, dan kalau ada pun harganya lebih mahal. Nak biasakan diri memandu di sebelah kiri bukannya mudah, tambahan pula dengan gear manual! Di Spain, dah lah jalannya sempit. Orang dia pula parking rapat giler! Hebat orang dia ni. Parking kat jalan curam pun boleh rapat-rapat. Kalau saya kereta parking rapat depan & belakang kat cerun bukit, memang menangis lah nak keluar tu!

Cerita tentang cabaran pemanduan di Eropah akan bersambung dalam **BAB SPAIN**.

FRANCE



FRANCE (PARIS)

Tarikh: 22 – 26 Mac 2017

Accommodation: ([Agoda](#)) Adagio Access Paris Vanves Porte De Versailles Aparthotel (no breakfast), 6 days 5 nights @ **RM1,250.65**



Transportation ([Manchester to Paris](#)): EasyJet Flight, 2+ jam, Manchester Airport ke Charles De Gaulle Airport, **£62.60/pax**

Bahasa Asas: Bonjour (hello), Merci (thank you), Au Revoir (good bye)

Tempat-Tempat Yang Dilawati: Eiffel Tower, Arc De Triomphe, Musee Du Louvre, Musee Du Orsay, Galerie Lafayette, Notre-Dame Cathedral, Palais De Versailles

PARIS

“**Kota cinta**” yang terkenal di seluruh dunia! Siapa tak kenal **Eiffel Tower**? Mustahil ramai tak kenal kan? Itulah simbol Paris. Bandar ini boleh dikatakan selalu masuk filem Hollywood. Paris juga terkenal sebagai “**shopping heaven**” untuk mereka yang meminati barang berjenama seperti Chanel dan Louis Vuitton. Anda boleh ke **Galeries Lafayette** kalau nak beli (seperti yang diterangkan dalam bahagian seterusnya). Semua jenama ada di bawah satu bumbung.

Mengambil masa hanya 2 tahun untuk siap pada tahun 1889 oleh Gustave Eiffel, Eiffel Tower merupakan salah satu struktur paling terkenal di dunia. Anda boleh naik ke atas menggunakan lif dengan sedikit bayaran.



Dari airport **CDG (juga dipanggil Roissy)** selepas tiba dari Manchester, saya menaiki teksi dari situ untuk ke hotel. Perjalanan mengambil masa sekitar 40 minit. Hotel saya tu berdekatan dengan metro station, jadi senanglah saya nak bergerak.

Benda 1st saya nak tengok ialah **Eiffel Tower**, kemudian **Arc De Triomphe** (tak sempat, tapi dari Eiffel Tower boleh nampak). Pergi **Musee Du Louvre**, ramai pula orang. Jadi, bergambar di luar sahaja lah. Cuba pergi **Chateau De Versailles** pun tak dapat masuk. Ramai giler orang! Senang cerita, Paris memang sesak dengan pelancong satu dunia! **Notre-Dame Cathedral** tu je lah saya dapat masuk (**FREE**). Walaupun ramai juga tapi OK lah, tak lama sangat menunggu.


Paris agak kotor berbanding bandar Europe yang lain. Mungkin sebab di sini **ramai pendatang asing** (tengok pemain bola sepak World Cup 2018 team France berapa kerat je kulit putih kan?). **Stesen metro mereka juga berbau hancing**. Kalau bersiar-siar di waktu malam, **sila extra careful** kerana banyak kejadian jenayah dilaporkan terutamanya di stesen-stesen metro. Di Paris juga banyak kanak-kanak pendatang yang akan datang kepada anda minta sedekah dan itu ini. Jangan layan sebab masa anda melayan, **geng mereka akan seluk poket anda!**



Paris juga terkenal dengan desserts nya. Kalau nak makan **macarons**, boleh pergi ke **Laduree** ataupun **Pierre Hermes**. Kafe **Angelina** juga terkenal di sana, dan memang cantik kafenyah.



Kalau nak pergi Musee De Louvre, tolonglah datang awal pagi atau beli tiket awal-awal. Apa yang anda lihat di bawah adalah orang yang beratur tiket "fast track". Tiket biasa tak payah cerita lah. Berkilometer panjangnya!





Musee Du Louvre. Pemandangan dari pintu masuk di sebelah luar. Nampak tak ramai manusia yang tengah beratur tu?



Pemandangan di sekitar Musee Du Louvre.



Pintu masuk tiket biasa Musee Du Louvre. Muzium ni ada 2 pintu masuk, iaitu untuk tiket biasa dan tiket fast track. Untuk fast track, ia di tingkat atas. Piramid kaca di atas adalah terbalik di sebelah bawah. Ianya bersambung.

PARIS MUSEUM PASS? Tak perlu beli kalau setakat nak masuk satu muzium atau kalau anda bukan peminat tegar sejarah / seni. **Masuk muzium akan memakan banyak masa.** Memanglah boleh skip long queue, tapi selain muzium ada banyak lagi tempat lain untuk anda explore.



Musee Du Orsay. Tak ada orang beratur pun. Frust dengan Louvre, saya masuk sini je. Menarik juga muziumnya.




Replika Palais Garnier yang terdapat di Musee Du Orsay. Halus dan kemas kerja tangan mereka. Very detailed!



Notre-Dame Cathedral. Ini salah satu bangunan yang perlu anda masuk di Paris. Banyak seni bina menarik di dalamnya. Dari luar pun dah nampak gah. **Masuk adalah percuma.** Ia dibina secara berperingkat, tetapi majoriti bangunan ini siap pada tahun 1260. Kalau anda masuk, jangan lupa tengok colourful window glass dia ya. Sangat cantik!

*Pemandangan dari taman
rekreasi di belakang
Notre-Dame Cathederal.*



Chateau De Versailles. Saya tak berpeluang masuk. Lihatlah sendiri betapa panjangnya barisan itu. Chateau ini terletak kira-kira 20km dari pusat bandar Paris. Ia menjadi rumah kerabat diraja Perancis (Louis XIV) sejak 1682. Kawasan ini berkeluasan 721,182 kaki per segi! Anda mungkin akan berada di sini sepanjang hari kalau nak explore semua. Ia memang berbaloi, tetapi jangan lupa buat tempahan seawal yang mungkin.

NAK SHOPPING DI EROPAH?

Jika anda nak beli barang berjenama (seperti Chanel, Louis Vuitton dll) di Europe, anda beli sahaja di sini. Pergi ke **GALERIES LAFAYETTE**. Personal shopper yang beli beg jual kat Malaysia pun beli di sini. Antara banyak-banyak bandar saya pergi, di sini paling murah kerana:

- 1) Harga dia jual memang lebih rendah, dan
- 2) Boleh dapat refund VAT 12% (ni untuk kad kredit, jika refund cash lagi rendah)

Kalau nak pergi, datang awal ya sebab anda akan “bersaing” dengan pelancong-pelancong dari **China**. Nak masuk kedai-kedai tu pun kena beratur panjang tau. Huhuhu...



Sebelum pergi shopping tu, eloklah survey dahulu apa anda nak beli tu di **Malaysia**. Nanti boleh buat perbandingan harga. Masa balik ke Malaysia, berdoalah agar anda tidak diperiksa oleh pihak Kastam kerana jika tidak, anda perlu membayar duti import. Elok letak dalam bagpack atau pakai terus barang-barang anda beli, kerana selalunya yang disuruh scan ialah luggage sahaja.

NAK BAYAR DALAM MATA WANG MEREKA ATAU KITA?

Jika anda bayar guna kad kredit, anda akan ditanya **“nak bayar dalam EUR atau MYR?”**. Sila **bayar dalam mata wang mereka** kalau nak jimat (GBP, EUR, CHF dan sebagainya). Kalau bayar dalam mata wang anda (seperti MYR), anda akan dicaj dengan caj tukaran antarabangsa, kadar tukaran yang teruk, serta caj **DCC (Dynamic Currency Conversion)** yang mahal!

RUMUSAN

MESTI PERGI! Ada juga sedikit sesalan sebab tak buat perancangan lebih awal. Kalau tak, dapat dah masuk tempat-tempat best di sana tu. Anda boleh book tiket musee / chateau di website rasmi mereka. Google je, pasti anda akan jumpa. **Now let's go to Spain. Ola Espana!**

ITALY



ITALY (ROME & VENICE)

Tarikh: 09 – 13 April 2017

Accomodation: (Both via Agoda) CentroRoma, Rome (with breakfast); 3 days 2 nights @ RM580.32 & Hotel Kappa, Mestre (with halal breakfast), 3 days 2 nights @ RM534.70

The image contains two side-by-side screenshots of Agoda booking confirmations.

Top Screenshot (CentroRoma):

- Image:** A photograph of a room with a large, colorful mural on the wall.
- Hotel Name:** CentroRoma
- Booking ID:** 200758443
- Status:** Completed
- Type:** Double Room with Shared Bathroom
- Breakfast:** FREE Breakfast
- Check-in:** 9 Apr 17 Sun
- Check-out:** 11 Apr 17 Tue
- View details** button

Bottom Screenshot (Hotel Kappa):

- Image:** A photograph of a multi-story building with green awnings and balconies.
- Hotel Name:** Hotel Kappa
- Booking ID:** 200758895
- Status:** Completed
- Type:** Double French Bed
- Breakfast:** FREE Breakfast
- Check-in:** 11 Apr 17 Tue
- Check-out:** 13 Apr 17 Thu
- MYR 534.70** price
- View details** button

Transportation: (Santorini – Rome, transit Athens) Olympic Air flight; 6 jam+; Thira Airport ke Fiumicino (a.k.a. Leonardo Da Vinci) Airport, €137.18/pax & (Rome – Venice) Italia Rail train; 3+ jam; Roma Termini Station ke St Lucia, €59.90/pax

Bahasa Asas (German & French): Bonjourno (hello), Gratzie (thank you), Arivederci (good bye)

Tempat-Tempat Yang Dilawati: Colloseum, Trevi Fountain, Roman Forum, Pantheon, Spanish Steps, Vatican City, Venice

ROME (atau Roma)


Rome sememangnya sebuah bandar yang mengagumkan. Orang Rome dikenali sebagai Roman. Sepertimana ancient Greek, ancient Roman juga tidak kurang hebatnya. Teknologi dan kebakaran mereka pada ketika itu sangat maju dan canggih. Lihat sahaja **COLOSSEUM DAN ROMAN FORUM**. Usianya sudah ribuan tahun! Roman Forum adalah kawasan pentadbiran kerajaan Rome pada suatu ketika dahulu. Semuanya berdekatan sahaja, dan hanya memerlukan satu tiket. **Elok anda beli online yang sekali dengan tour**. Saya tak beli online, dan nasib baik dapat masuk **sebab datang awal pagi**. Kalau tak, beratur panjang lah jawabnya!

Menarik juga penerangan mereka tentang Colosseum ni. Antaranya ialah **bagaimana mereka menggunakan graviti untuk mencantumkan batu tanpa menggunakan simen mahupun gam**. Satu lagi, Colosseum ini juga dahulunya digunakan untuk “tontonan” hukuman mati di mana pesalah akan **dimakan hidup-hidup oleh binatang buas** (sambil ditonton oleh ribuan orang)!

Selain daripada Roman Forum, di Rome ada **Trevi Fountain, Spanish Steps, Pantheon, Vatican Museum** dan banyak lagi tempat-tempat menarik yang boleh anda lawati. Jangan lupa makan aiskrim atau gelato di sini ya. Memang lain macam sedap dia tu!

Kalau anda ada masa, anda boleh masuk ke **VATICAN CITY** iaitu **negara terkecil di dunia yang keluasannya cuma 0.44 km²**. Ia terletak bersebelahan Rome. Gereja dan muzium mereka sangat panjang orang beratur nak masuk. Mungkin ada sesuatu yang menarik di dalamnya. Kalau anda tak nak masuk pun, kawasan di sekeliling Vatican itu sendiri memang dah cantik dah. Di Rome anda boleh ke sana ke mari **menaiki metro ataupun bas**. **Kalau larat, jalan kaki pun boleh**.

Jangan terkejut kalau anda nampak **ramai warga Bangladesh di Rome**. Memang macam Malaysia lah, iaitu warga Bangladesh bermiaga dalam kedai dan di tepi-tepi jalan. Bagus juga lah sebab harga mereka jual cenderahati tu murah. Mereka ni cukup hebat sampaikan boleh sewa lot-lot kedai yang premium berhampiran train station untuk bermiaga. Untuk umat Islam memang baguslah sebab **senang nak cari makanan halal**. Oh ya mereka juga rajin ke hulu hilir bawa barang dalam beg untuk bermiaga. Sama macam kat Malaysia, kan? Hehehe...




*Pemandangan dari atas Colosseum.
Barisan panjang di tengah adalah
mereka yang ingin membeli tiket. Rome
memang padat dengan pelancong, jadi
sila booking atau datang awal!*



*Roman Forum, Rome. Kebanyakannya
hanya tinggal sisa akibat gempa bumi,
tetapi anda boleh lihat sendiri dan
bayangkan betapa hebatnya kerajaan
mereka suatu ketika dahulu, sehingga
boleh menjadi kuasa besar dunia.*



Piazza Navona, salah satu kawasan tumpuan di Rome. Kawasan ini telah dibangunkan pada kurun ke-15. Dahulunya ia merupakan sebuah stadium. Boleh lepak minum kopi, beli souvenir atau tengok street performer di sini.



Pantheon, Rome. Ia menjadi kuil kepada semua Tuhan di Rome sejak tahun 126. Memang cantik seni bina di dalamnya.







Spanish Steps, Rome. Di sini memang sentiasa ramai orang. Ia mengandungi 174 anak tangga yang telah dibina pada tahun 1725. Ia diberi nama sedemikian kerana Kedutaan Spain berada di sini. Itulah seronoknya Rome ni. Tempat-tempat menarik semuanya berdekatan sahaja, dan sentiasa ada "kejutan" di setiap selekoh.



Trevi Fountain, Rome. Ia siap dibina pada tahun 1762. Arca paling dominan di sini ialah Neptune, iaitu the God of Sea. Ada legenda yang mengatakan bahawa barangsiapa yang membaling syiling ke kolam tersebut, mereka akan kembali semula ke Rome pada suatu hari nanti. **Patutlah collection kolam ni mencecah €3,000 sehari!**







Dari Rome, saya menaiki Trenitalia ini dari Roma Termini untuk ke Venice. Laju juga, tapi tak lah selaju bullet train walaupun bentuknya macam bullet. Hehehe...



VENICE (atau Venezia)

Venice ni bandar atas air. Pengangkutan utama di Venice ialah **vaporetto (passenger ferry), private boat, water taxi dan gondola**. Naik ferry tu macam naik bas atas air lah. Ada jadual dan hentian macam bas, so anda kena ikut jadual tu. **Beli tiket untuk sehari terus**. Makanan kat Venice ni mahal ya. Kebab tu harganya dekat EUR10 (disebabkan cabaran logistik).

Hotel di dalam Venice secara umumnya mahal. Kalau mampu, boleh terus tinggal di Venice. Nak jalan-jalan pun senang kan? Tak perlu dah nak naik bas. Kalau nak jimat, anda buatlah macam saya, iaitu **tinggal di bandar MESTRE**. Tak jauh pun, **naik bas setengah jam** je. Mestre ni bandar di darat, Venice ni bandar di air. Hotel saya duduk tu betul-betul depan stesen bas, **SIAP BAGI HALAL BREAKFAST LAGI!** Nama hotel itu ialah **HOTEL KAPPA**.


Saya tiba dari Rome melalui train di stesen St Lucia. Dari sini saya naik satu bas dan sampai ke Mestre untuk check-in hotel. **Anda tak akan nampak kereta di "kepulauan" Venice**. Situ hanya menggunakan pengangkutan air sahaja. Di Venice, aktiviti yang tidak boleh dilepaskan sudah tentulah **bersiar-siar menaiki gondola**. Selain daripada naik gondola, ada banyak bangunan bersejarah dan pameran di sini. Bolehlah jenguk-jenguk kalau anda minat. Kalau tengok filem Bollywood bertajuk **Sangam**, ada scene depan gereja kan? Bolehlah datang ke situ. Itulah "**the heart of Venice**". Menarik juga seni bina bangunan-bangunan di sini.



Tengok tu, ambulans pun pakai bot. Di belakangnya adalah stesen vaporetto.



*Ini bukan bas tetapi vaporetto.
Dia macam naik bas juga. Boleh
naik dan turun di mana-mana
hentian yang anda suka.*



*Contoh bot yang digunakan untuk
mengangkut barang. Laluan di sini
sempit. Jalan raya pun tak ada!
Kereta memang tak boleh masuk.
Ini sahaja harapan mereka.*



Hotel Kappa, Mestre. Di Mestre tak ada apa-apa yang menarik, tetapi kos hotel di sini lebih murah. Stesen bas terletak betul-betul di hadapan hotel ini. Dalam perjalanan ke Venice, anda boleh nampak **kedai makanan halal** di sebelah kiri dan kanan jalan.



Gondola ride in Venice. Tak sah pergi Venice kalau tak naik gondola. **Setengah jam = €80/gondola.** Max boleh naik 6 orang so boleh kongsi-kongsi bayar. Sambil mendayung, “pilot” akan memberi penerangan tentang sejarah-sejarah di situ.



Pemandangan di Venice.





Piazza San Marco, Venice. Di sinilah tempat paling happening di Venice yang pelancong selalu pergi. **AWAS!** Venice adalah sebuah kepulauan yang besar, jadi **anda akan mudah tersesat di sini**. Elok dapatkan peta dari hotel, dan selalulah bertanya kepada orang-orang di situ sekiranya anda ingin ke mana-mana.



Dataran di hadapan Basilica di San Marco (juga dikenali sebagai St Mark's Basilica).



RUMUSAN

Kedua-dua bandar Itali ini (Rome & Venice) saya syorkan untuk pergi sebab ia mempunyai keunikan yang tersendiri. Jika anda penggemar fesyen, anda boleh pergi ke **Milan** manakala untuk penggemar seni, anda wajib ke **Florence**. Pergilah, anda pasti tak menyesal!

P/S 1 – Saya pernah tinggal di Venice Hill, Cheras. Tapi, tak ada kena mengena kot. Haha!

P/S 2 – Jangan cakap Bahasa Melayu dengan warga Bangladesh di sini ya. Haha!

So, ke mana pula kita lepas ni? Vienna in Austria. Jom!

PENUTUP



PENUTUP

Jadi, macam mana? Best tak ebook tu? Harap-harap best lah ya. Hihi. Ebook free ni baru dedahkan sikit je tau. Banyak lagi sebenarnya tips dalam ebook versi penuh. Review pun baru 2 negara je tu daripada 12 negara yang saya pergi. Confirm tak menyesal punyalah kalau tempah!

BONUS ISTIMEWA – BUDGETING TOOL

Anda tak perlu pening-pening nak kira secara manual. Masukkan sahaja data ke dalam Excel file yang diberikan. Ia akan membantu anda untuk membuat budgeting dengan lebih sistematik & terperinci kerana anda boleh melihat jumlah perbelanjaan mengikut item dan negara.

	UK (MYR)	France (MYR)	Italy (MYR)	Spain (MYR)	Netherlands (MYR)	Negara 6 (MYR)	Negara 7 (MYR)	Negara 8 (MYR)	Negara 9 (MYR)	Negara 10 (MYR)	TOTAL
Tiket flight	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
Buat / Renew Passport	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
Penginapan	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
Public Transport	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
Tambang Antara Negara / Bandar	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
Makan & Minum	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
Pakaian	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
Roaming / Telco	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
Attractions	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
Souvenirs	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
Sewa kereta	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
Petrol	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
Insurans	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
Lain-lain:											
	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
TOTAL	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00

NAK BUAT TEMPAHAN EBOOK VERSI PENUH?

Sekarang tengah ada promosi tapi **terhad untuk 100 terawal sahaja!**

SIAP ADA 30 DAYS MONEY BACK GUARANTEE JIKA TAK PUAS HATI!

Klik butang di bawah dengan segera untuk menempah:

EBOOK FULL TRAVELOG EUROPE

Terima kasih kerana sudi membaca ebook percuma ini.

Silakan **SHARE** atau **FORWARD** pada rakan-rakan anda ya.

Yang ikhlas dan benar, **KHALID HAMID**



TRAVELOG EUROPE

Rasai Pengalaman Europe Yang Sebenar!

Travelog Pengembaraan Saya Ke 20
Bandar Popular Eropah Yang Akan Menjimatkan
Banyak Masa & Wang Anda



KHALID HAMID

Hak Cipta Terpelihara © 2019